

Berpegang teguh kepada Sunnah Wal Jamaah

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

Mahasiswa Islam perlu berpegang teguh sebagai ahli Sunnah Wal Jamaah dan membantu perjuangan pihak berwajib untuk membanteras fahaman Syiah.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Azmil Abu Seman, mendakwa ajaran Syiah kini menular dalam masyarakat di negara ini, malah berjaya memasuki universiti tempatan sehingga ada mahasiswa yang terpengaruh.

“Sebagai umat Islam yang berpegang pada Sunnah Wal

Jamaah, menjadi kewajipan kita untuk mengetahui antara ajaran yang hak dan batil supaya diri sentiasa terpelihara daripada kebinasaan.

Sesat dan dilarang

“Ulama terkemuka dunia seperti Sheikh Yusuf al-Qaradawi, jelas menekankan bahawa fahaman Syiah adalah sesat dan dilarang daripada menganutnya.

“Oleh itu, mahasiswa serta umat Islam secara keseluruhan perlu menimba ilmu dengan betul dan sahih daripada guru yang benar-benar mujahid serta mengikuti syariat Islam supaya tidak bercanggah dengan agama dan juga pegangan ahli Sunnah Wal Jamaah,” katanya ketika dihubungi.

Muhammad Azmil berkata, setiap 10 Muha-



Laman sosial seperti Facebook menjadi tempat penyebaran fahaman Syiah.

am (hari ini) disambut golongan Syiah untuk meningati pengorbanan dan meratapi kematian Saidina Hussain, iaitu cucu Nabi Muhammad SAW.

Berwaspada

“Mereka menyanyi lagu Syiah yang berbunyi ‘Setiap kali namamu disebut hati ini berketal, maka kami bersamamu Hussain, mereka kata kami gila,

mereka kata kami bodoh tapi hanya padamu kami cinta, kami cinta Hussain dan kami bersusah payah kepada Hussain, hidup kami kerana Hussain, keluarga kami kerana Hussain, diri kami untuk Hussain dan semuanya Hussain’.

“Kata-kata dalam lagu itu jelas menunjukkan bahawa Syiah adalah sesat kerana terlalu mengagungkan Saidina Hussain melebihi

Allah, Rasulullah SAW dan segala-galanya dalam kehidupan mereka.

“Ahli Sunnah Wal Jamaah di negara ini harus berwaspada kerana ada masyarakat Islam diperdayai mula terpesong sedikit demi sedikit daripada fahaman sebenar apabila terjebak dengan Syiah. Sehubungan itu, suatu langkah perlu dilakukan segera,” katanya.